



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKEMBANGAN PERTUTURAN MURID-MURID BERMASALAH
PENDENGARAN MENGGUNAKAN VIDEO LATIHAN
PERTUTURAN**

RATNA HANIN BINTI SALLEH UDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka perkembangan pertuturan murid-murid bermasalah pendengaran dari segi latihan oro-motor, sebutan bunyi vokal dan sebutan bunyi konsonan menggunakan Video Latihan Pertuturan. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan untuk menjawab tiga persoalan kajian. Tiga instrumen kajian digunakan iaitu pemerhatian berstruktur, senarai semak dan analisis dokumen untuk memperolehi maklumat perkembangan pertuturan. Seramai empat orang kanak-kanak bermasalah pendengaran dipilih menjadi responden melalui teknik persampelan bertujuan. Data dianalisis menggunakan kaedah naratif iaitu huraian perkembangan responden menggunakan Video Latihan Pertuturan. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid bermasalah pendengaran dapat melakukan dengan cemerlang aktiviti membuka dan menutup mulut dan menyedut minuman di dalam latihan oro-motor manakala lemah dalam aktiviti menggerakkan lidah. Kajian juga mendapati murid-murid bermasalah pendengaran dapat menyebut bunyi vokal [o] dan [u] serta bunyi konsonan [p] dengan cemerlang manakala konsonan [q] dan [s] kurang dikuasai. Dapatan kajian juga menunjukkan murid-murid bermasalah pendengaran alami perkembangan positif di dalam latihan oro-motor, sebutan bunyi vokal dan sebutan bunyi konsonan. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan penggunaan Video Latihan Pertuturan telah menunjukkan perkembangan positif di dalam pertuturan murid-murid bermasalah pendengaran. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan Video Latihan Pertuturan sebagai bahan bantu belajar dapat meningkatkan pencapaian murid-murid bermasalah pendengaran belajar bertutur.





SPEECH DEVELOPMENT OF HEARING DISABILITIES PUPILS USING VIDEO LATIHAN PERTUTURAN

ABSTRACT

This study was aimed to explore the development of speech hearing disabilities pupils in terms of oral-motor exercises, pronunciation of vowels and pronunciation of consonant sounds using Video Latihan Pertuturan. Qualitative approaches with case study design was chosen to answer three research questions. Three research instruments were employed which are structured observations, checklists and document analysis to obtain speech development information. Through purpose sampling method, four pupils with hearing disabilities participated in this study. Data were analyzed using narrative method which is the description of the respondents' development using Video Latihan Pertuturan. The findings showed that pupils can open and close their mouth and inhale and exhale in oral-motor training without any constraint, whilst they were impotent to move their tongue in the activities. The study also found that pupils with hearing disabilities can pronounce the vowels [o] and [u] and consonant sound [p] with flying colors but found some difficulties to pronounce the consonants [q] and [s]. The result also showed hearing disabilities pupils had positive improvements in oral-motor exercises, pronunciation of vowels and pronunciation of consonants. As a conclusion, hearing disabilities pupils shown positive developments in the speech using Video Latihan Pertuturan. The implications of this study indicate that the usage of Video Latihan Pertuturan as teaching aids can improve the performance of pupils with hearing disabilities in speech acquisition.



**KANDUNGAN****Muka surat****PENGAKUAN**

ii

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xiv

SENARAI SIMBOL

xv

SENARAI SINGKATAN

xvi

SENARAI LAMPIRAN

xvii

BAB 1 PENGENALAN**1**

1.1 Pendahuluan

1

1.2 Latar Belakang Kajian

8

1.3 Pernyataan Masalah

14

1.4 Tujuan Kajian

21

1.5 Objektif Kajian

22





1.6 Persoalan Kajian	22
1.7 Kerangkan Konseptual Kajian	23
1.8 Kepentingan Kajian	25
1.9 Batasan Kajian	26
1.10. Definisi Operasional	27
1.10.1 Perkembangan	27
1.10.2 Pertuturan	28
1.10.3 Masalah Pendengaran	30
1.10.4 Video	31
1.10.5 Latihan	33
1.10.6 Kebolehan	33
1.10.7. Minat	33
1.10.8. Penumpuan	34
1.10.9. Alat artikulasi	34
1.10.10. Sebutan	34
1.10.11. Pernafasan	35
1.10.12. Nada suara	35
1.10.13. Peniruan	36
1.10.14. Bahasa Melayu	36
1.10.15. Vokal	36



1.10.16 Konsonan	37
1.10.17 Oro-motor	37
1.11. Kesimpulan	38
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	39
2.1 Pengenalan	39
2.2 Pendidikan Khas	39
2.2.1 Program Pendidikan Khas di Malaysia	41
2.2.2 Murid-murid bermasalah pendengaran	43
2.3 Teori Pembelajaran dan Pemerolehan Bahasa	47
2.3.1 Teori Behaviorisme (Teori Mekanis)	47
2.4 Pertuturan	52
2.4.1. Teori Pertuturan	61
2.4.1.1 Teori Konteks Situasi	63
2.5 PenerapanModel ADDIE di dalam pembelajaran dan pengajaran	65
2.6 Penggunaan Teknologi di dalam Pendidikan	68
2.7 Perkembangan Bahasa dan Pertuturan	72
2.7.1Bahasa	74
2.7.2 Bahasa Melayu	76
2.8. Pengajaran Pertuturan	78

2.8.1 Kaedah Pengajaran Pertuturan	86
2.8.2.Latihan oro-motor	89
2.9. Fonetik dan Fonologi	93
2.9.1 Vokal	94
2.9.2 Konsonan	99
2.9.3. Keupayaan Murid–murid Bermasalah Pendengaran di dalam Fonologi dan Fonetik	103
2.10 Rumusan	111

BAB 3 METODOLOGI 112

3.1 Pengenalan	112
----------------	-----

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	3.2 Reka Bentuk Kajian	113
---	------------------------	-----

3.2.1 Ciri-ciri pemerhatian	117
3.3.Instrumen Kajian	122
3.3.1. Kesahan Instrumen	126
3.3.2. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian	130
3.3.3 Proses Pembinaan Video Latihan Pertuturan	133
3.3.4 Pengesahan Kandungan Video Latihan Pertuturan	134
3.3.4.1 Pengesahan pakar	136
3.3.4.2 Ulasan dan pandangan pakar secara keseluruhan	145
3.3.4.3 Pengesahan kandungan VLP	149

3.4 Sampel Kajian	152
3.5. Pengumpulan Data	154
3.6 Kajian Rintis	156
3.7 Analisis Data	158
3.8 Model Pembinaan Kajian	160
3.8.1 Fasa Analisis	162
3.8.2 Fasa Reka bentuk	163
3.8.3 Fasa Pembangunan	164
3.8.4 Fasa Pelaksanaan	165
3.8.5 Fasa Penilaian	166
3.9 Rumusan	168

BAB 4 DAPATAN KAJIAN	169
4.1 Pengenalan	169
4.2 Profil Responden / Peserta Kajian	170
4.2.1 Responden Pertama	172
4.2.2 Responden Kedua	172
4.2.4 Responden Ketiga	174
4.2.4 Respoden Keempat	174
4.3 Pemerhatian Persekitaran, Keadaan Murid dan Pelaksanaan VLP	176



4.4 Dapatan Latihan Oro-motor	177
4.4.1 Dapatan Urutan di Muka	180
4.4.2 Dapatan Membuka dan Menutup Mulut	182
4.4.3 Dapatan Kembungkan Pipi	185
4.4.4 Dapatan Menggerakkan Lidah ke Kanan	188
4.4.5 Dapatan Menggerakkan Lidah ke Kiri	190
4.4.6 Dapatan Menggerakkan Lidah ke Hadapan	191
4.4.7 Dapatan Menggerakkan Lidah ke Atas	193
4.4.8 Dapatan Menggerakkan Lidah ke Bawah	195
4.4.9 Dapatan Mengunyah Makanan	197
4.4.10 Dapatan Menjilat Ais Krim	199
4.4.11 Dapatan Menjilat Gula-gula Lollipop	201
4.4.12 Dapatan Menyedut Minuman	202
4.4.13 Dapatan meniup Buih Sabun	204
4.4.14 Dapatan meniup Bola Ping Pong di Dalam Air	207
4.4.15 Dapatan meniup Wisel Hari Jadi	209
4.4.16 Dapatan meniup Wisel	211
4.4.17 Dapatan meniup Belon	213
4.5 Dapatan Persoalan Kajian Kedua	216
4.5.1 Dapatan Bunyi Vokal [a]	219



4.5.2 Dapatan Bunyi Vokal [e]	222
4.5.3 Dapatan Bunyi Vokal [i]	224
4.5.4 Dapatan Bunyi Vokal [o]	229
4.5.5 Dapatan Bunyi Vokal [u]	231
4.5.6 Dapatan Bunyi Vokal [ə]	235
4.6 Dapatan Persoalan Kajian Ketiga	238
4.6.1 Dapatan Bunyi Konsonan [b]	239
4.6.2 Dapatan Bunyi Konsonan [c]	242
4.6.3 Dapatan Bunyi Konsonan [d]	246
4.6.4 Dapatan Bunyi Konsonan [f]	250
4.6.5 Dapatan Bunyi Konsonan [g]	254
4.6.6 Dapatan Bunyi Konsonan [h]	258
4.6.7 Dapatan Bunyi Konsonan [j]	262
4.6.8 Dapatan Bunyi Konsonan [k]	267
4.6.9 Dapatan Bunyi Konsonan [l]	271
4.6.10 Dapatan Bunyi Konsonan [m]	275
4.6.11 Dapatan Bunyi Konsonan [n]	279
4.6.12 Dapatan Bunyi Konsonan [p]	282
4.6.13 Dapatan Bunyi Konsonan [q]	290
4.6.14 Dapatan Bunyi Konsonan [r]	294

4.6.15 Dapatan Bunyi Konsonan [s]	298
4.6.16 Dapatan Bunyi Konsonan [t]	302
4.6.17 Dapatan Bunyi Konsonan [v]	306
4.6.18 Dapatan Bunyi Konsonan [w]	310
4.6.19 Dapatan Bunyi Konsonan [x]	314
4.6.20 Dapatan Bunyi Konsonan [y]	318
4.6.21 Dapatan Bunyi Konsonan [z]	321
4.7 Rumusan dapatan	323
4.7.1 Rumusan dapatan persoalan kajian pertama	325
4.7.2 Rumusan dapatan persoalan kajian kedua	327
4.7.3 Rumusan dapatan persoalan kajian ketiga	329
4.8 Rumusan	331
BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	333
5.1 Pengenalan	333
5.2 Perbincangan Kajian	334
5.2.1 Latihan Oro-motor	334
5.2.2 Sebutan Bunyi Vokal	339
5.2.3 Sebutan Bunyi Konsonan	342
5.2.4 Perbincangan Keseluruhan Kajian	345



5.3 Implikasi Kajian	351
5.4 Batasan Kajian	353
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	355
5.6 Rumusan	357
RUJUKAN	359
LAMPIRAN	374



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka surat
1.1	Tahap masalah pendengaran	30
1.2	Tahap kepekakan berdasarkan darjah kehiangan	30
2.1	Tahap kehilangan pendengaran mengikut kehilangan dalam dBhl	43
2.2	Kategori pekak mengikut negara.	44
2.3	Bahagian telinga, punca gangguan dan kesan pendengaran dan bahasa.	45
2.4	Perkembangan bahasa menurut teori Mentalis.	50
2.5	Jenis kepekakan dan darjah kehilangan	79
2.9	Daerah dan cara sebutan bunyi vokal	95
2.10	Daerah dan cara sebutan bunyi konsonan	99
2.11	Tahap kepekakan	102
3.1	Kandungan Video di dalam VLP	126
3.2	Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa	129
3.3	Senarai pakar	131
3.4	Ulasan pakar	133
3.5	Nilai Kepercayaan Cohen Kappa	134
3.6	Nilai Kesuluruhan	135
3.7	Bilangan konstruk di dalam penilaian pakar	135
3.8	Nilai Pemerhatian latihan oro-motor	136
3.9	Nilai pemerhatian bunyi vokal dan konsonan	136
3.10	Nilai kesahan video satu	137



	xvi
3.11 Nilai kesahan video dua	137
3.12 Nilai kesahan video tiga	138
3.13 Nilai kesahan video empat	139
3.14 Nilai kesahan video lima	140
3.15 Nilai kesahan video enam	140
3.16 Nilai kesahan video tujuh	141
3.17 Nilai kesahan video lapan	141
3.18 Tahap pencapaian menggunakan senarai semak	153
4.1 Keputusan peperiksaan Fatin	168
4.2 Keputusan peperiksaan Iman	170
4.3 Keputusan peperiksaan Damia	173
4.4 Dapatan senarai semak urutan di muka	179
4.5 Dapatan senarai semak membuka dan menutup mulut	182
4.6 Dapatan senarai semak kembangkan pipi	185
4.7 Dapatan senarai semak gerakkan lidah ke kanan	187
4.8 Dapatan senarai semak gerakkan lidah ke kiri	189
4.9 Dapatan senarai semak gerakkan lidah ke hadapan	191
4.10 Dapatan senarai semak gerakkan lidah ke atas	193
4.11 Dapatan senarai semak gerakkan lidah ke bawah	194
4.12 Dapatan senarai semak mengunyah makanan	196
4.13 Dapatan senarai semak menjilat ais krim	198
4.14 Dapatan senarai semak menjilat gula-gula lollipop	200
4.15 Dapatan senarai semak menyedut minuman	201
4.16 Dapatan senarai semak meniup buih sabun	204



4.17	Dapatan senarai semak meniup bola ping pong di dalam air	206
4.18	Dapatan senarai semak meniup wisel hari jadi	209
4.19	Dapatan senarai semak meniup wisel	210
4.20	Dapatan senarai semak meniup belon	213
4.21	Dapatan senarai semak sebutan bunyi vokal [a]	216
4.22	Dapatan senarai semak sebutan bunyi vokal [e]	218
4.23	Dapatan senarai semak sebutan bunyi vokal [i]	221
4.24	Dapatan senarai semak sebutan bunyi vokal [o]	224
4.25	Dapatan senarai semak sebutan bunyi vokal [u]	227
4.26	Dapatan senarai semak sebutan bunyi vokal []	230
4.27	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [b]	234
4.28	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [c]	237
4.29	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [d]	241
4.30	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [f]	245
4.31	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [g]	249
4.32	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [h]	253
4.33	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [j]	257
4.34	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [k]	261
4.35	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [l]	265
4.36	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [m]	269
4.37	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [n]	272
4.38	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [p]	275
4.39	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [q]	280
4.40	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [r]	284





4.41	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [s]	289
4.42	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [t]	291
4.43	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [v]	295
4.44	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [w]	299
4.45	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [x]	303
4.46	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [y]	307
4.47	Dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan [z]	311
4.48	Rumusan dapatan pemerhatian berstruktur latihan oro-motor	312
4.49	Rumusan dapatan senarai semak latihan oro-motor	315
4.50	Rumusan dapatan pemerhatian berstruktur bunyi vokal	316
4.51	Rumusan dapatan senarai semak sebutan bunyi vokal	317
4.52	Rumusan dapatan pemerhatian berstruktur bunyi konsonan	318
4.53	Rumusan dapatan senarai semak sebutan bunyi konsonan	319



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka konsep kajian.	23
2.5 Bahagian badan terlibat dalam pertuturan.	55
2.6 Alat-alat artikulasi	57
2.7 Elemen pertuturan	60
2.8 Model ADDIE	65
2.9 Fasa di dalam pembangunan model ADDIE.	67
2.10 Tahap pendengaran dan 'Banana Speech'.	83
2.11 Diagram bunyi vokal oleh Mohd Yunus (1980): Shahazlina, Shahidi & Badrolzaman (2014)	95
3.1 Reka bentuk kajian	113
3.2 Carta alir pemilihan sampel	145
3.3 Fasa di dalam model ADDIE	154

**SENARAI SINGKATAN**

ABD	Alat Bantu Dengar
BBB	Bahan Bantu Belajar
BIK	Bahasa Isyarat Komunikasi
BIM	Bahasa Isyarat Malaysia
BM	Bahasa Melayu
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
dB	<i>decibel</i>
dBhl	<i>decibel hearing loss</i>
ICT	<i>Information Communication Technology</i>
KTBM	Kod Tangan Bahasa Melayu
LAD	<i>Language Acquisition Devices</i> / Alat Pemprosesan Bahasa
LCD	<i>Liquid Crystal Display</i>
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PBK	Perisian Berbantuan Komputer
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
Pdp	Pembelajaran dan Pengajaran
R&D	<i>Research and Development</i>
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
VLP	Video Latihan Pertuturan.
3pk	Pusat perkhidmatan pendidikan khas





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Borang pemerhatian berstruktur latihan oro-motor
- B Borang pemerhatian berstruktur sebutan bunyi vokal
- C Borang pemerhatian berstruktur sebutan bunyi konsonan
- D Senarai semak latihan oro-motor, sebutan bunyi vokal dan sebutan bunyi konsonan
- E Pengesahan kandungan instrumen Video Latihan Pertuturan (VLP)
- F Panduan pakar menilai kandungan VLP
- G Kebenaran menjalankan kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- H Kelulusan menjalankan kajian oleh Bahagian Pendidikan Khas
- I Kebenaran menggunakan isi kandungan buku Membaca Dengan Kaedah S.I
- J Surat memohon kebenaran ibu bapa
- K Pengesahan kehilangan pendengaran





BAB 1

PENGENALAN



1.1



Pendahuluan



Pendidikan merupakan pemangkin kemajuan sesebuah negara. Semua negara di dunia menjadikan pendidikan sebagai agenda utama di dalam pentadbiran. Pendidikan yang dijalankan di Malaysia merupakan sistem pendidikan berterusan yang diberikan kepada semua golongan masyarakat tanpa mengambil kira latar belakang agama, bangsa, kaum dan keadaan individu sama ada tipikal atau mengalami kelainan upaya. Pelbagai pendekatan dan pembaharuan dilakukan oleh kerajaan untuk memberi pendidikan terbaik kepada rakyat Malaysia.

Kerajaan melalui Jabatan Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk murid-murid dan pelajar khas yang mempunyai masalah penglihatan, masalah pendengaran, masalah pembelajaran dan pemulihan khas. Pendidikan yang diberi menekankan kepada perkembangan intelek,





rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara supaya pelajar boleh menerima pendidikan sehingga peringkat tertinggi bagi membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dan hidup berdikari. Dalam pelaksanaan dasar baharu pendidikan negara iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 turut tidak menysisihkan komuniti pendidikan khas antaranya dengan menyasarkan pertambahan bilangan murid bermasalah pendengaran yang berjaya diinklusifkan di aliran perdana untuk meningkatkan akses komuniti pendidikan khas di dalam pendidikan. Di dalam bab empat, halaman 18 menyatakan terdapat tiga gelombang yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan jumlah murid yang diinklusifkan dan untuk meningkatkan kualiti keseluruhan pendidikan khas. Jumlah murid bermasalah pendengaran yang berjaya diinklusifkan akan meningkat dengan lebih ketara jika mereka dapat bertutur dan ia memberi kesan positif di dalam komunikasi dengan guru



Kategori ketidakupayaan atau kelainan upaya yang dibincangkan dalam kajian ini ialah murid–murid bermasalah pendengaran (pekak). Di Malaysia, istilah pekak merujuk kepada individu yang mempunyai masalah pendengaran ringan, sederhana, teruk dan sangat teruk. Walau bagaimanapun, terdapat pengkaji yang mengkategorikan murid berdasarkan kebolehan pertuturannya. Muhammad Hafiz (2011) turut menyokong Zalizan (2009) yang telah mengkategorikan murid bermasalah pendengaran kepada dua iaitu pekak dan kurang pendengaran. Murid pekak ialah golongan yang alami pendengaran teruk sehingga menghalang mereka daripada mempelajari dan memahami bahasa pertuturan melalui cara biasa dan mereka perlu berkomunikasi dengan bahasa isyarat. Murid kurang pendengaran pula





merujuk kepada mereka yang tidak sepenuhnya menghadapi masalah pemahaman bahasa pertuturan.

Murid bermasalah pendengaran ialah murid yang terganggu atau terhalang deria dengar daripada menerima atau mengamati bunyi, perbualan atau bisikan orang lain (Asiah, 2012). Kementerian Kesihatan Malaysia (2014) menyatakan tahap masalah pendengaran kepada empat iaitu tahap pendengaran rendah iaitu kehilangan sebanyak 25dB hingga 40dB, tahap pendengaran sederhana iaitu kehilangan sebanyak 45dB hingga 65dB, tahap pendengaran teruk iaitu kehilangan sebanyak 70dB hingga 90dB dan tahap pendengaran sangat teruk iaitu kehilangan lebih daripada 90dB.

Kanak-kanak pekak adalah sama dengan kanak-kanak biasa dari aspek fizikal.

Hanya perbezaan dari segi kebolehan mendengar yang membezakan antara kanak-kanak pekak dengan kanak-kanak biasa. Rentetan dari kehilangan pendengaran yang dialami menyebabkan kanak-kanak pekak berhadapan dengan masalah seperti masalah pertuturan, bahasa dan komunikasi. Julia dan Siti Suhaila (2007) menyatakan, masalah pendengaran merujuk kepada kehilangan seluruh atau sebahagian iaitu kedua-dua belah telinga atau sebelah telinga. Tahap kehilangan dikategorikan sebagai ringan apabila kehilangan yang dialami 20dB hingga 40dB. Tahap kehilangan sederhana 40dB hingga 60dB. Tahap kehilangan teruk adalah 60 dB hingga 90 dB dan ke atas dikategorikan sebagai kehilangan pendengaran sangat teruk. K.A. Rahziah (2008) pula menyatakan kanak-kanak bermasalah pendengaran terbahagi kepada tiga iaitu ringan, sederhana dan teruk. Kanak-kanak bermasalah pendengaran ringan merujuk kepada kanak-kanak yang bertindak balas pada bunyi yang kuat sedikit daripada normal. Mereka tidak menunjukkan tindak





balas pada bunyi yang perlahan. Mereka boleh mendengar percakapan pada kekuatan bunyi yang biasa tetapi tidak dapat mendengar semua bunyi. Kanak-kanak bermasalah pendengaran sederhana pula tidak bertindak balas pada bunyi melainkan bunyi yang lebih kuat daripada normal. Mereka boleh mendengar suara yang kuat dan tidak boleh mendengar orang bercakap pada tahap normal. Manakala kanak-kanak bermasalah pendengaran teruk tidak bertindak balas pada apa sahaja bunyi. Mereka hanya memberi respon terhadap bunyi yang terlalu kuat. Mereka juga tidak mendengar orang bercakap walaupun menggunakan suara yang kuat.

Abdullah (2014) menyatakan ketidakbolehan bertutur oleh murid-murid bermasalah pendengaran tiada kaitan dengan kecacatan mana-mana alat artikulasi dan *articulator* pertuturan seperti mana tanggapan sesetengah anggota masyarakat. Alat-alat anatomi dan fisiologi pertuturan adalah normal. Namun begitu, murid-murid bermasalah pendengaran perlu dilatih untuk menggerakkan dan menggunakan alat artikulasi menerusi latihan oro-motor untuk membolehkan mereka bertutur sama seperti murid tipikal. Latihan oro-motor perlu diberi penekanan untuk memastikan alat artikulasi dapat digunakan sepenuhnya. Kebanyakan murid-murid bermasalah pendengaran cenderung menggunakan isyarat di dalam komuniti pekak menyebabkan mereka tidak menggunakan alat artikulasi. Latihan oro-motor perlu dilakukan untuk menggalakkan murid-murid bermasalah pendengaran menggerakkan dan menggunakan alat artikulasi untuk bertutur. Di dalam subjek Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK), terdapat elemen latihan pernafasan yang perlu diajar kepada murid bermasalah pendengaran. Latihan pernafasan terkandung di dalam latihan oro-motor. Maka, adalah penting untuk guru mempunyai bahan bantu belajar (BBB) untuk mengajar latihan oro-motor bersesuaian dengan kandungan subjek BIK.





Hallahan dan Kaufman (2000) menyatakan kanak-kanak yang mempunyai kehilangan pendengaran tahap ringan iaitu 27dB hingga 40dB alami kesukaran untuk mengecam suara yang jauh, alami sedikit kesukaran dalam bahasa dan mendiskriminasi bunyi-bunyi tertentu. Kanak-kanak yang alami kehilangan pendengaran tahap sederhana iaitu 41dB hingga 55dB mempunyai bunyi pertuturan yang tidak normal dan perbendaharaan kata yang terhad. Mereka pada tahap ini boleh memahami perbualan dalam jarak tiga hingga lima kaki secara bersemuka. Kanak-kanak bermasalah pendengaran kategori teruk, iaitu alami kehilangan pendengaran di antara 71dB hingga 90dB hanya boleh mendengar bunyi pada jarak satu kaki dari deria pendengaran. Pada tahap ini, mereka boleh mengenal vokal tetapi bermasalah dengan konsonan. Oleh itu, mereka akan menghadapi masalah pertuturan dan bahasa jika tidak mendapat terapi. Kanak-kanak bermasalah pendengaran sangat teruk pula akan menghadapi masalah pertuturan dan bahasa. Kanak-kanak pada tahap ini alami kehilangan pendengaran lebih daripada 91dB yang menyebabkan mereka hanya boleh mendengar sedikit bunyi dan bunyi yang sangat kuat. Selain itu, mereka juga mempunyai pertuturan yang teruk dan bunyi pertuturan yang pelik.

Dalam kajian ini, penumpuan diberi terhadap kesan masalah pendengaran iaitu masalah pertuturan yang dialami kanak-kanak bermasalah pendengaran. Selain itu, pemulihan pertuturan seperti terapi dan latihan pertuturan turut dititikberatkan. Terapi pertuturan dan latihan pertuturan mempunyai banyak persamaan dan sedikit perbezaan. Terapi perlu dilaksanakan oleh individu yang bertauliah seperti terapis pertuturan yang melakukan penilaian dan memberi intervensi berdasarkan dapatan penilaian. Latihan pertuturan pula boleh diberi oleh guru bertujuan untuk

